

## PERTAHANKAN TANAH WARISAN INI

Tanah jantung keramat ini  
adalah warisan kita sejak temurun lagi  
jagailah ia jangan dibiarkan sepi  
atau di dalamnya penuh belukar berduri

Kitalah para pewaris yang diamanahkan  
menjaga selia tanah ini sebaik-baiknya  
jadikan ia taman-taman syurga untuk kita  
hidup dan berdiam di atasnya  
kita bina ukhuwah perpaduan yang utuh  
kerana tanah inilah sahaja tempat kita tinggal  
dan berteduh

Sejarah bangsa kita masih teguh tersimpan  
bukti artifak dokumen atau segala kenangan  
di dalam fikiran dan ingatan para penghuninya  
yang masih basah persis baru semalam  
di persada

Betapa air mata itu tidak pernah kering  
jalan sukar yang membelit mengiring  
begitu akrab sukar mencakar dada bonda  
dan keringat ayahanda mengalir di denai  
nestapa

Dengan kemerdekaan yang kita genggam ini  
telah mengangkat anak bangsa mengenal erti  
kebebasan hakiki  
sama-sama menjunjung kedaulatan sejati  
mengangkat maruah dan harga diri  
tanah ini, jangan biarkan dicabuli sekali lagi  
ayuh, bangkit pertahankan sebagai pewaris sejati  
di tangan kitalah penentu bangsa hidup atau mati!

Wanrazuhar, PEMUISI  
23.8.2023.